



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDIAAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN KURIKULUM REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI (SEMAKAN 2017) DI SEKOLAH RENDAH DAERAH BERA, PAHANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LETHCHUMY A/P SEGAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KESEDIAAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN KURIKULUM REKA
BENTUK DAN TEKNOLOGI (SEMAKAN 2017) DI SEKOLAH RENDAH
DAERAH BERA, PAHANG

LETHCHUMY A/P SEGAR



LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN KURIKULUM
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN DAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20/6/2021

Student's Declaration:

Saya, LETHCHUMY A/P SEGAR, M20182002266 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa kertas projek yang bertajuk KESEDIAAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN KURIKULUM REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI (SEMAKAN 2017) DI SEKOLAH RENDAH DAERAH BERA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya DR. NOR HASNIDA BINTI CHE GHAZALI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESEDIAAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN KURIKULUM REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI (SEMAKAN 2017) DI SEKOLAH RENDAH DAERAH BERA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA (PENGAJIAN KURIKULUM).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيٲى فنډيديقن سلطان اڤريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title : KESEDIAAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN KURIKULUM REKA
BENTUK DAN TEKNOLOGI (SEMAKAN 2017) DI SEKOLAH
RENDAH DAERAH BERA

No. Matrik / Matric's No : M20182002266

Saya / I : LETHCHUMY A/P SEGAR
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
- i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
- ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
- iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
- iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan dimana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**



(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana memberikan saya kesihatan yang cukup, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian ini dalam bentuk sebegini rupa walaupun pelbagai rintangan yang menghalang. Halangan tidak mematahkan penghargaan dan menyampaikan ucapan terima kasih kepada individu dan pihak tertentu atas sokongan dan sumbangan ikhlas yang telah dihulurkan oleh mereka. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia utama saya, Dr. Nor Hasnida Binti Che Ghazali kerana telah meluangkan banyak masa dan tenaga dalam membantu saya menjayakan penulisan projek penyelidikan ini. Bimbingan yang diberi oleh beliau dengan sabar dan dedikasi daripada permulaan kajian sehingga projek penyelidikan ini diselesaikan amat saya hargai dan sanjungi.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris terutamanya staf perpustakaan yang telah memberikan kerjasama dan menghulurkan bantuan kepada saya sepanjang tempoh kajian. Begitu juga dengan kementerian Pendidikan Malaysia, jabatan Pendidikan negeri Pahang dan pejabat Pendidikan daerah bera, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi kebenaran, Kerjasama dan sokongan dan bantuan daripada guru-guru yang mengajar subjek Reka Bentuk dan Teknologi di sekolah-sekolah terlibat dengan kajian kerana bersungguh-sungguh melaksanakan pengajaran dan menyempurnakan pelbagai perkara berhubung dengan kajian yang dijalankan.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada ibu bapa yang tercinta, En. Segar dan Pn. Kalyarasy kerana banyak berkorban masa, tenaga serta dorongan yang tidak terhingga serta penguat semangat sepanjang pengajian saya. terima kasih tidak terhingga kepada rakan-rakan yang banyak membantu saya dalam membantu saya dalam bentuk apa pun amat saya sanjung serta banyak memberi sokongan serta dorongan kepada saya hingga berjaya.

LETHCHUMY A/P SEGAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesediaan guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Reka Bentuk Dan Teknologi (Semakan 2017) di sekolah rendah. Reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dijalankan secara rawak melibatkan guru mata pelajaran RBT dari 38 buah sekolah di daerah Bera. Soal selidik mengandungi 3 bahagian, iaitu profil demografi responden, kesediaan guru RBT dan pelaksanaan kurikulum Reka Bentuk Dan Teknologi (semakan 2017) oleh guru RBT. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan kekerapan, min, peratusan dan sisihan piawai bagi menjelaskan ketiga-tiga bahagian dalam soal selidik. Analisis deskriptif menjelaskan demografi serta kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat dalam pelaksanaan kurikulum RBT (Semakan 2017). Manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian Anova dan ujian Korelasi yang menerangkan perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai tahap pengetahuan ($M=3.34.SP=0.771$), kemahiran ($M=3.32.SP=0.817$), minat ($M=2.98.SP=0.771$) sikap ($M=3.35.SP=0.728$) yang menunjukkan tahap kesediaan guru berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kesediaan Guru RBT dengan pengalaman mengajar ($F=8.666, p<0.05$). Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kesediaan guru RBT dengan pelaksanaan kurikulum RBT (Semakan 2017) ($r=0.71, p<0.05$). Kesimpulannya kesediaan guru RBT pada tahap sederhana. Implikasi daripada kajian ini dapat dijadikan garis panduan kepada guru supaya merangka sesi Latihan yang berkesan agar kesediaan guru RBT terhadap pelaksanaan Kurikulum RBT (Semakan 2017) dapat dipertingkatkan serta dapat membantu guru mengaplikasikan ilmu pedagogi dan sikap positif mereka dalam sesi pengajaran dan pemudah cara di bilik darjah.



THE READINESS LEVEL AMONG RBT TEACHERS IN THE DISTRICT OF BERA TOWARDS IMPLEMENTING RBT CURRICULLUM

ABSTRACT

This study aims to identify the readiness among teachers in the district of Bera towards implementing RBT curriculum. A survey design was used for this study. Design and Technology teacher from 38 primary school in Bera District was selected randomly. The questionnaire consist of respondent's demographics profile and respondent's readiness towards Implementing RBT curriculum. The data were analyzed descriptively using frequency, mean, percentage and standard deviation to explain the section. The descriptive analysis described the readiness of Design and Technology teacher towards implementing Design and Technology Curriculum, while inferential statistics involving ANOVA and correlation tests explained the differences and the relationship between the variables. The results showed that the respondents had moderate knowledge(M=3.34, SP=0.771), skills (M=3.32,SP= 0.817), interest (M=2.98,SP= 0.771) attitude (M=3.35, SP= 0.728) towards implementing RBT curriculum. The result also showed a significant difference between the readiness towards implementing curriculum and teaching experience ($F= 8.666, p<0.05$). The result showed that there were a significant relationship between readiness of RBT teacher and implementing RBT curriculum) ($r = 0.71, p <0.05$). In conclusion, the readiness of implementing RBT Curriculum among RBT teachers were at a moderate level. The implication of this study could be used as a guide for teachers to develop an effective training session so that teacher's readiness towards implementing Curriculum can be improved and to help the teachers to apply their knowledge in the teaching and facilitating session in the classroom.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xv
--------------------------	----

BAB 1	PENDAHULUAN	1
--------------	--------------------	---

1.1	Pengenalan	1
-----	------------	---

1.2	Latar Belakang Masalah	4
-----	------------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	8
-----	--------------------	---

1.4	Tujuan Kajian	13
-----	---------------	----

1.5	Objektif Kajian	14
-----	-----------------	----

1.6	Persoalan Kajian	14
-----	------------------	----

1.7	Hipotesis Kajian	15
-----	------------------	----

1.8	Kerangka Konsep Kajian	15
-----	------------------------	----



1.9	Definisi operational	17
1.9.1	Kesediaan guru	18
1.9.2	Pengetahuan guru	19
1.9.3	Kemahiran guru	20
1.9.4	Sikap	22
1.9.5	Minat	23
1.9.6	Kurikulum	24
1.9.7	Guru	26
1.9.8	Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)	26
1.10	Batasan kajian	28
1.11	Kepentingan kajian	29
1.11.1	Penyelidik	29
1.11.2	Guru	29
1.11.3	Sekolah	30
1.11.4	Kementerian Pelajaran Malaysia/JPN/PPD	30
1.12	Rumusan	30
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	32
2.1	Pengenalan	32
2.2	Kurikulum	33
2.3	Kurikulum RBT KSSR (Semakan 2017)	35
2.4	Kesediaan Guru	37
2.5	Pengetahuan Guru	42

2.6	Kemahiran Guru	48
2.7	Sikap	57
2.8	Minat	60
2.9	Model Slavin (1994)	62
2.10	Cabaran Dalam Subjek Reka Bentuk Dan Teknologi	66
2.11	Rumusan	72

BAB 3 METODOLOGI 73

3.1	Pendahuluan	73
3.2	Reka Bentuk Kajian	74
3.3	Populasi Dan Persampelan	77
3.4	Lokasi kajian	80

3.5	Prosedur Pengumpulan Data.	80
-----	----------------------------	----

3.6	Instrumen Kajian	81
-----	------------------	----

3.6.1	Soal Selidik	81
-------	--------------	----

3.7	Teknik Analisis Data.	84
-----	-----------------------	----

3.8	Memproses dan Mempersembahkan Data	85
-----	------------------------------------	----

3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	86
-----	--	----

3.10	Kajian Rintis	89
------	---------------	----

3.11	Rumusan	90
------	---------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 91

4.1	Pendahuluan	91
-----	-------------	----

4.2	Analisis Kebolehpercayaan	92
-----	---------------------------	----

4.3	Profil Responden	93
4.4	Tahap pengetahuan Guru RBT dalam melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017)	95
4.4.1	Soalan Kajian 1	96
4.5	Tahap kemahiran Guru Dalam melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017)	98
4.5.1	Soalan kajian 2	98
4.6	Tahap minat guru melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (semakan 2017)	100
4.6.1	Soalan Kajian 3	100
4.7	Tahap sikap guru melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (semakan 2017)	103
4.7.1	Soalan Kajian 3	103
4.8	Perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan tahap kesediaan guru rbt dalam melaksanakan kurikulum KSSR RBT (semakan 2017).	106
4.8.1	Persoalan Kajian 4	106
4.9	Persoalan Kajian 5	107
4.10	Rumusan	108
BAB 5	PERBINCANGAN , KESIMPULAN DAN CADANGAN	109
5.1	Pengenalan	109
5.2	Ringkasan Kajian	110
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	111
5.3.1	Profil responden	111
5.3.2	Tahap pengetahuan Guru dalam melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (semakan 2017)	112

5.3.3	Tahap Kemahiran Guru dalam Melaksanakan Kurikulum RBT KSSR (Semakan 2017)	114
5.3.4	Tahap Sikap Guru dalam Melaksanakan Kurikulum RBT KSSR (Semakan 2017)	117
5.3.5	Tahap minat Guru dalam Melaksanakan Kurikulum RBT KSSR (Semakan 2017)	118
5.3.6	Perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan tahap kesediaan guru rbt dalam melaksanakan kurikulum KSSR RBT (semakan 2017).	119
5.3.7	Adalah terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dengan pelaksanaan kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017) di daerah Bera?	121
5.4	Implikasi Kajian	122
5.4.1	Implikasi Teoritikal	123
5.4.2	Implikasi Kajian Secara Praktikal	125
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	127
5.6	Sumbangan Kajian dalam Bidang Penyelidikan	128
5.7	Penutup	129
	RUJUKAN	131
	LAMPIRAN	142

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Penyelidikan	75
3.2 Jadual penentuan saiz sample	78
3.3 Populasi guru RBT mengikut sekolah di daerah Bera	79
3.4 Taburan Item Mengikut Konstruk Dalam Soal Selidik	83
3.5 Kaedah analisis data	85
3.6 Skala Likert 5 Aras	86
3.7 Interpretasi skor-alpha Cronbach (bond & fox 2007)	87
3.8 Taburan Item Mengikut Konstruk Dalam Soal Selidik	88
3.9 Nilai Pekali alpha Cronbach	89
4.1 Interpretasi skor-alpha Cronbach (Bond & Fox 2007)	92
4.2 Nilai Pekali alpha Cronbach	93
4.3 Kekerapan Respoden Mengikut Jantina, Umur dan Pengalaman Mengajar	94
4.4 Kekerapan Akademik Tertinggi	95
4.5 Kekerapan opsyen guru mengajar subjek RBT	95
4.6 Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Tahap Pengetahuan Guru dalam Melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017) di Sekolah Rendah.	97

4.7	Taburan min dan sisihan piawai bagi tahap kemahiran guru dalam melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017) di sekolah rendah.	99
4.8	Taburan Min dan sisihan piawai bagi Tahap minat dalam melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (semakan 2017)	101
4.9	Taburan Min dan sisihan piawai bagi Tahap sikap dalam melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (semakan 2017)	103
4.10	Ujian Anova sehalu bagi tahap kesediaan guru RBT mengikut tempoh pengalaman mengajar	107
4.11	Ujian Korelasi bagi tahap kesediaan guru RBT terhadap pelaksanaan kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017)	108

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Konseptual Kajian	16
2.1 Kerangka Teori Model Slavin	63
3.1 Carta alir proses kajian	76
5.1 Model Pengajaran Berkualiti Slavin(1994)	123
5.2 Model Pengajaran Berkualiti Slavin(diubahsuai)	124

SENARAI SINGKATAN

RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KHSR	Kemahiran Hidup Sekolah Rendah
STEM	<i>Sains, Teknologi, kejuruteraan dan Science, Technology, Engineering, Mathematics</i>
TMK	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
PdPc	Pengajaran Dan Pemudah Cara
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
DSKP	Dokumen Standard Kandungan Pelajaran
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran



SENARAI LAMPIRAN

A Soal Selidik Kajian

B Output SPSS





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem Pendidikan merupakan sebatang pokok yang merangkumi pelbagai cabang seperti kemajuan ekonomi, keadilan sosial dan kestabilan politik yang menjadi tunjang kepada pembangunan negara ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik. Sebagai sebuah negara yang mengalami transformasi yang drastik dalam pelbagai aspek pembangunan, sektor Pendidikan juga berkembang dan mengalami anjakan paradigma yang dapat merintis alaf baru dalam segala aspek Pendidikan. Ini juga merupakan satu langkah penting bagi mengangkat martabat dan status Malaysia dalam dunia pendidikan antarabangsa.

Sejak sedekat yang lalu, terdapat pelbagai transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia. Setiap perubahan sistem pendidikan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang memberi fokus kepada perkembangan dunia yang pesat. Ia adalah untuk memastikan negara berada dalam trek yang betul untuk mencapai aspirasi negara. Oleh



itu, Malaysia tidak gagal dalam penggubalan kurikulum yang mampu melahirkan murid yang mampu berdaya saing tinggi dan dinamik kerana kurikulum adalah nadi kepada sistem Pendidikan.

Beberapa hujah juga dikemukakan oleh beberapa ahli pengkaji kurikulum supaya memahami tentang kurikulum secara lebih terperinci. Menurut Smith (2014), kurikulum merupakan satu perancangan, pengaturan dan penelitian yang hasil daripada pengalaman murid dan juga persepsi guru yang berwibawa bagi memadati keinginan seseorang individu.

Manakala Kamus Dewan (2005), mendefinisikan kurikulum sebagai suatu bidang atau isi kandungan sesuatu subjek diguna pakai di sebuah sekolah atau institusi Pendidikan. Manakala, Allan & Francis (2004), kurikulum didefinisikan sebagai satu perancangan untuk bertindak atau satu dokumen bertulis yang meliputi strategi pengajaran untuk mencapai sesuatu matlamat yang ingin dicapai.

Mengikut Dokumen KSSR Semakan (2018), kurikulum ialah suatu kursus pendidikan yang merangkumi bidang akademik, dan bukan akademik. Pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan serta kepercayaan adalah komponen kurikulum yang mendorong kepada perkembangan seseorang murid secara holistik dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menzahirkan dan meningkatkan nilai moral yang dirancang dalam penyampaian sesuatu pengetahuan.

Tambahan pula, kurikulum didefinisikan sebagai pembelajaran melalui pengalaman yang disediakan sebagai rancangan pembelajaran dan kerap mengalami

transformasi mahupun penambahbaikan selaras dengan tuntutan semasa (Norlidah Alias, 2010 & Ahmad Subri Shuib, 2009).

Menurut Nazri (2014), selain menjadi satu identiti, kurikulum juga dikatakan sebagai satu entiti benda atau perlakuan mengalami beberapa tahap transformasi yang mewujudkan penambahbaikan dari segi matlamat, model, dan strategi yang dibangunkan dalam projek-projek di sekolah dan di institusi pendidikan lainnya.

Oleh itu, Norlidah Alias (2014), berpendapat bahawa bagi memastikan kurikulum digubal dan disusun dengan mantap dan kukuh, setiap fasa dalam pembentukan dan perancangan kurikulum perlulah dilaksanakan secara logikal dan mempunyai kesinambungan antara satu sama lain. Penggabungjalinan dalam kurikulum dapat memadati kehendak dunia dengan memperkembangkan individu secara optimum melalui pengalaman empirikal, pandangan dan perspektif terhadap kehidupan dan keinginan serta keperluan masa depan.

Sehubungan dengan itu, kurikulum menulis takdir sistem pendidikan. Ini menjurus kepada setiap negara di dunia ini sering merangka sistem pendidikan yang relevan dan sistematik supaya halatuju negara dicapai. Kurikulum yang digubal juga tidak berpegang kepada satu matlamat tetapi ia bersifat dinamik yang sentiasa mengalami perubahan mengikut kehendak global. Transformasi dalam kurikulum juga adalah bagi meyempurnakan keperluan dari semasa ke semasa hadapan dalam persekitaran pendidikan (Muhammad Faizal & Abd. Khalil, 2015).

Pembaharuan kurikulum juga dikatakan sebagai satu transformasi kurikulum yang penting atau reformasi yang menyeluruh berlandaskan Falsafah Pendidikan

Kebangsaan (FPK). menurut Muhamad Jaffar Ali (2012). Pembaharuan kurikulum dalam sistem pendidikan biasanya akan mewujudkan transformasi yang membawa impak positif ke atas sistem pendidikan di Malaysia. Transformasi dinamik pesat yang berlaku dalam pendidikan di Malaysia memberi kesan kepada kurikulum pada hari ini sehingga dikaji semula dan disesuaikan mengikut perubahan masa serta menyediakan tenaga manusia yang mampu menempuh revolusi industri 4.0.

Oleh itu, kerajaan melakukan pelbagai transformasi daripada segi dasar dan sistem Pendidikan dari semasa ke semasa bagi mengoptimumkan peluang kepada generasi baharu untuk mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dan berproduktif. Secara tidak langsung, ia akan mewujudkan insan seimbang yang berilmu, berfikiran kreatif, berinovatif, bercirikan nilai murni serta mampu bersaing di persada antarabangsa yang penuh cabaran.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam sistem Pendidikan di Malaysia, kurikulum sekolah rendah kini, telah diambil alih oleh Kurikulum Standard Sekolah Rendah (SEMAKAN 2017) yang mula diamalkan pada tahun 2017 dan menggantikan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan mulai tahun 2011.

Kurikulum KSSR juga mengalami aktiviti semakan semula, penstrukturan semula, dan juga penambahbaikan sehinggalah kepada perubahan dan penambaan kurikulumnya. Mulai tahun 2017, kurikulum KSSR (semakan 2017) dijalankan dan



beberapa transformasi baru dalam kurikulum dibentuk bagi memadati dasar-dasar baharu di bawah pelan pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mencadangkan penggubalan KSSR (Semakan 2017) yang memperuntukkan jumlah jam yang optimum dalam setahun pelaksanaan kurikulum secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2017. Dalam usaha melengkapai PPPM 2013-2025 KSSR (Semakan 2017) telah membawa masuk beberapa idea baharu seperti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), peruntukan masa jam setahun, penggunaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran.

Menurut kajian Ismail (2019), kaedah paragogy dan cybergogy adalah sesuai kepada murid pada hari ini yang lebih tertarik dengan dunia digital. Oleh itu, Kurikulum KSSR (Semakan 2017) juga digubal mengikut keperluan zaman semasa dan minat murid generasi gajet. Oleh itu, KPM mengharapkan kurikulum KSSR (semakan 2017) mampu membawa satu hasil yang cukup menakjubkan dalam sistem Pendidikan. Hal ini demikian kerana, KSSR (Semakan 2017) dirangka dengan relevan bagi menzahirkan kemenjadian murid di sekolah dengan membekalkan ilmu pengetahuan yang menyeluruh. Ia juga adalah untuk memenuhi kehendak semasa mahupun keperluan masa akan datang serta membina suatu sistem pendidikan yang berkualiti. Usaha ini juga adalah untuk membina masyarakat yang mampu memberi sumbangan dalam revolusi industri 4.0. Kurikulum yang bersifat fleksibel dapat menarik minat murid dan secara tidak langsung murid dapat meningkatkan pengetahuan.

Walau bagaimanapun, rancangan kurikulum yang mantap adalah tidak cukup untuk membina masyarakat yang terancang, malah cara pelaksanaannya yang akan



menetapkan kejayaan sesuatu kurikulum. Guru sebagai pelaksana kurikulum secara tidak dapat dielakkan dalam penyampaian kurikulum.

Dalam merealisasikan hasrat PPPM, peranan guru sebagai pelaksana kurikulum adalah penting dalam menyebarkan kurikulum yang digubal. Kegagalan guru merancang PdPc dengan baik bersamaan dengan merancang untuk gagal sistem pendidikan. Oleh itu, bagi merealisasikan hasrat negara, guru hendaklah melengkapi diri dengan kompetensi yang tinggi daripada segi berkemahiran, bersikap positif, pengetahuan dalam menyampaikan isi pelajaran dengan menggunakan pelbagai idea kreativiti.

Kajian Bhavani & Kinshuk (2003), menyarankan bahawa guru berhasrat untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan, perlu memahami kandungan kurikulum yang akan disampaikan serta perlu menjaga imej yang mulia sebagai warga pendidik. Jika tahap kesediaan pada tahap yang rendah, aspirasi negara untuk menghasilkan masyarakat yang berilmu masih jauh lagi untuk dicapai.

Penyataan tersebut disokong oleh Robiah Sidin (2000), sebagai penyebar ilmu guru yang melaksanakan kurikulum hendaklah bersiap sedia dengan kefahaman dan ilmu pedagogi yang mencukupi supaya kandungan kurikulum di sampaikan dengan menyeluruh. Apabila tahap kesediaan seorang guru mengajar adalah pada tahap rendah, maka wujudlah beberapa masalah dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Senario ini akan menjurus kepada guru terpaksa bekerja bertungkus lumus untuk memperoleh ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang yang diceburi kerana guru masih mempunyai kefahaman yang tidak mencukupi untuk mengajar. Ini secara tidak langsung dikhuatiri kurikulum dan objektif pembelajaran tidak tercapai.



Menurut Uthman (2003), dalam profesion guru juga diibarat sebagai pendidik manusia di samping mengajar. Seseorang guru bukan sahaja dinilai dari segi cara mengajar tetapi cara mengabadikan sesuatu budaya masyarakat. Justeru itu, para guru hendaklah berusaha untuk mendalami ciri-ciri profesionalisme seperti menguasai ilmu-ilmu teras dan ilmu pedagogi mengikut etika dan profesion perguruan. Bukan sekadar itu sahaja, seorang guru yang profesional juga sentiasa mencari jalan penyelesaian dan memikirkan kaedah yang sesuai dalam menyampaikan ilmu maklumat serta kemahiran kepada muridnya. ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai-nilai murni yang unggul bagi menjadikan diri guru sebagai pendidik yang berkaliber, mampu mempertingkatkan sistem Pendidikan negara yang berunggul dan bertaraf global (*world class*). Hal ini demikian kerana, autoriti melaksanakan kurikulum adalah hanya diberikan kepada insan yang digelar sebagai guru.



Menurut Fadzly (2011), tanggungjawab dan akauntabiliti pendidik dipandang mulia dan diiktiraf sebagai penyampai ilmu, agen sosial, penyubur perpaduan, pencorak minda, pembangun sahsiah serta sebagai agen perubahan masyarakat. Guru juga berkuasa mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk mengajar kepada murid di mana-mana jua. Sebagai perantara ilmu, guru tidak gagal memenuhi keperluan murid meningkatkan peribadi dalam pelbagai aspek seperti pengetahuan, kemahiran dan sifat keperibadian murid walaupun menghadapi dengan dunia yang semakin mencabar. Walaupun peranan pihak pentadbir sekolah, penggubal kurikulum serta pihak-pihak terlibat dalam pelaksanaan kurikulum secara langsung dan tidak langsung pun menjadi penentu kejayaan sesuatu pembaharuan kurikulum, tetapi peranan guru yang masih dianggap penting dalam menyampaikan sebarang pembaharuan dalam kurikulum secara tepat dan betul.





Oleh itu, guru perlulah bersikap terbuka dalam menerima sebarang transformasi dalam kurikulum bagi menjamin kualiti pendidikan serta membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara. Bukan sahaja itu, peralihan teknologi dunia yang kini dikenali sebagai revolusi industri 4.0, memerlukan kesediaan guru yang baik untuk menterjemahkan kurikulum dengan kaedah lebih inovatif bagi memastikan objektif kurikulum dicapai. Tuntas kata, tidak boleh dinafikan bahawa tanpa penglibatan guru yang aktif, pembangunan individu, masyarakat dan negara adalah mustahil (Zuraidah Ramdzan @ Ramban ,2013).

1.3 Pernyataan Masalah

PPPM telah membawa satu transformasi yang drastik dalam kurikulum KSSR bukan sahaja dalam mata pelajaran teras sahaja tetapi terdapat beberapa transformasi yang positif dalam kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sekolah rendah. Subjek Reka Bnetuk dan Teknologi(RBT) diajar kepada tahap II,iaitu tahun empat, lima dan enam di sekolah rendah. Seperti sedia tahu, subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) adalah satu mata pelajaran evolusi daripada subjek kemahiran hidup yang bersifat Pendidikan Teknik dan vokasional.

Penyataan tersebut disokong oleh kajian Suriana (2012), yang mengatakan bahawa subjek Reka Bentuk dan Teknologi merupakan keturunan mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR). Oleh itu, subjek RBT lebih memfokuskan kepada pembelajaran teori dan juga amali. Fokus utama subjek RBT adalah mengupas potensi individu ke arah lebih kreatif dan inovatif serta menyelesaikan masalah dalam





pelbagai situasi dengan rasional. Subjek Reka Bentuk dan Teknologi juga meliputi bidang perniagaan dan keusahawanan yang menekankan kefahaman, kemahiran praktikal, budaya kerja yang positif dengan mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Penerapan pelbagai kemahiran dan pengetahuan serta elemen merentas kurikulum dalam subjek RBT, adalah bertujuan untuk membantu murid untuk memahami kandungan kurikulum RBT dengan lebih mudah dan cekap. Penguasaan subjek RBT juga membantu murid untuk mencungkil bakat, berdikari serta membolehkan murid menjalankan kehidupan secara produktif.

Sejak subjek RBT diperkenalkan di sekolah rendah, ia menjadi satu subjek yang memberi cabaran kepada guru beropsyen RBT dan juga guru bukan beropsyen RBT. Hal ini demikian kerana, subjek merupakan satu subjek yang merangkumi elemen-elemen dalam beberapa subjek lain, terutamanya subjek teras. Elemen sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) juga dibawa masuk ke dalam subjek RBT bagi mencetuskan minda murid dalam pelbagai sudut dalam menyelesaikan sesuatu projek dalam subjek RBT. Subjek RBT juga mendukung hasrat untuk membina murid berfikiran holistik dengan menguji murid secara menyeluruh dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk memperkembangkan kognitif, psikomotor serta afektif murid.

Dengan memartabatkan murid berfikiran holistik, negara berkeyakinan bahawa Negara mampu mewujudkan modal insan berkemahiran yang diperlukan oleh revolusi industri 4.0 Subjek RBT mampu memberi sumbangan dalam usaha kerajaan dalam membina sebuah Negara berproduktiviti yang setaraf dengan Negara maju yang lain. Oleh itu, tidak keterlaluan jika kita anggap subjek Reka bentuk dan Teknologi adalah kunci bagi menzahirkan kemenjadian murid. Usaha kerajaan memperkenalkan subjek





RBT juga adalaah disebabkan menyedari permintaan dan mengisi keperluan industri terhadap modal insan yang berkeupayaan yang sejurus dengan peredaran teknologi yang begitu pantas. Subjek RBT juga menjadi pemacu utama atau '*game changer*' dalam usaha kerajaan melahirkan tenaga mahir tempatan yang berkemahiran tinggi.

Rentetan itu, KSSR RBT (SEMAKAN 2017) ialah umpama biji benih yang mendukung hasrat melahirkan murid yang inklusif. Sungguhpun, sejauh manakah penggerak utama kurikulum, iaitu warga guru RBT bersedia untuk melaksanakan kurikulum seperti yang dirancang serta sejauh manakah kurikulum RBT mencapai hasilnya masih menjadi persoalan. Jika diteliti dengan lebih mendalam, guru sebagai penggerak utama dalam mencapai sesuatu rancangan kurikulum amat penting dalam merealisasikan hasrat PPPM serta revolusi industri 4.0.



Walaupun guru diibaratkan nadi kepada pelaksanaan kurikulum, beberapa persoalan masih timbul dari segi kesediaan seseorang guru. Hal ini demikian kerana, menurut kajian Ferry Boschman (2014), ramai guru menempuh kesukaran dalam menjalankan kurikulum yang mengalami transformasi.

Selanjutnya, terdapat beberapa isu mengenai kesediaan guru dalam melaksanakan sesuatu kurikulum yang baharu. Lazimnya, guru-guru yang bukan opsyen kebiasaannya menempuh pelbagai dugaan semasa menyampaikan kandungan kurikulum subjek yang mereka tidak diberi latihan yang wajar. Kekurangan ilmu pedagogi dan kemahiran mencetus kepada stres apabila mengajar subjek yang dikenali. Idea ini bersependapat dengan Dayang Aidah (2011) dan Zamri (2014) guru-guru menghadapi pelbagai kesukaran dalam memilih teknik, kaedah, strategi pengajaran serta membina bahan bantu mengajar dalam subjek yang baru kepada mereka. Mereka



juga menemu masalah dalam membuat penilaian murid disebabkan kekurangan ilmu pedagogi.

Sedangkan kajian Nor Sabrina(2013), mengatakan bahawa seseorang guru hendaklah sentiasa meneroka pengetahuan baru mengikut zaman terkini kerana dunia pendidikan kini menjadi penuh cabaran. Oleh itu, guru perlulah memaksimumkan peluang untuk belajar perkara baharu. Pendapat ini selari dengan kajian Norazizah & Azita, (2017) yang mengatakan bahawa akauntabiliti guru bukan sekadar menyampaikan kandungan kurikulum semata-mata, sebaliknya memastikan murid memahami ilmu yang disampaikan oleh guru dan mengaplikasikan dalam kehidupan. Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, guru perlu menggunakan kaedah dan cara yang efektif untuk menyampaikan ilmu supaya murid mengingat pada jangka masa panjang serta memanfaatkan ilmu tersebut.

Hal ini memang sejajar dengan pendapat Abdul Rahim Hamdan (2009) menyatakan bahawa guru sebagai agen penyampai ilmu, hendaklah bersikap terbuka untuk menerima transformasi dalam kurikulum secara positif. Sikap positif guru dapat mencetus kepada penerokaan ilmu baharu oleh guru dalam sistem pendidikan. Walaupun terdapat segelintir guru masih memerlukan bimbingan dan bantuan daripada pihak atas bagi menjalankan kurikulum seperti yang dirancang. Sesungguhnya pun demikian, kursus selama 8 jam adalah singkat dan tidak cukup untuk guru untuk mendapatkan kefahaman yang menyeluruh.

Dari perspektif lain, kesuntukan masa disebabkan kerja-kerja pengkeranian di sekolah menyebabkan guru berputus asa untuk meneroka ilmu baru. Terlalu banyak input membebankan guru dari segi mental dan juga fizikal (Norashid dan



Hamzah,2014). Pernyataan ini serupa dengan pendapat yang dikemukakan oleh Richard, Patrick dan Willy (2001), bahawa guru -guru terlalu sibuk dengan perkara-perkara lain menyebabkan guru -guru gagal meneroka ilmu-ilmu yang baharu. Oleh itu, guru -guru mengaplikasikan kaedah pengajaran lazim digunakan yang boleh membosankan murid.

Kajian Baharuddin (2009) juga penggunaan pelbagai kaedah yang inovatif dan kreatif menjurus kepada kejayaan objektif pengajaran. Guru selaku penyebar ilmu perlu menggunakan pelbagai kaedah inovatif dan memastikan ilmu yang disampaikan dapat diserap oleh murid. Hal ini bersangkut-paut dengan kajian Zuraidah Ramdhan @ Ramban (2013), yang menekankan bahawa kesediaan guru menjadi kayu ukur dalam merealisasikan matlamat KPM. Maka sesuatu kurikulum hendaklah disampaikan dengan baik sempurna bagi merealisasikan hasrat dan matlamat kerajaan.



Munurut Mohd. Fadzly Mohd. Izab, (2011), Guru adalah golongan terpenting dan penyebar ilmu dalam bidang pendidikan. Guru juga berada di dunia yang cukup mencabar kerana sistem pendidikan kini lebih menggunakan digital dan gajet bermula memuat turun dokumen standard kandungan pelajaran (DSKP) sehinggalah penaksiran bilik darjah (PBD). Jelaslah bahawa guru kesediaan guru bukan sahaja melafazkan kandungan kurikulum, malah cara penyampaian adalah penting bagi menampung dunia digital. Dengan keadaan sedemikian, tanggungjawab dan kesediaan guru adalah sangat penting dalam melaksanakan pembaharuan kurikulum. Sokongan pihak pentadbir juga amat penting dalam menyediakan suasana pembelajaran yang lebih kondusif. Sokongan pentadbir dalam menyediakan tempat, kemudahan, peralatan, tanggungan kos juga perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan kurikulum.



Jelaslah bahawa, warga guru dikategorikan sebagai warga utama yang diamanahkan untuk menyebarkan pendidikan yang berkualiti bagi merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan negara yang mampu bertanding di persada dunia. Kesian guru adalah satu aspek yang memang tidak boleh dinafikan dalam pelaksanaan kurikulum. Pembaharuan kurikulum dalam subjek Reka Bentuk dan Teknologi (semakan 2017) juga memerlukan kesediaan guru yang optimum.

Justeru itu, pengkaji ingin meninjau kesediaan guru RBT dalam melaksanakan Kurikulum RBT (Semakan 2017) di sekolah rendah. Pengkaji juga ingin meninjau adakah terdapat perbezaan signifikan dalam kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum RBT (Semakan 2017) berdasarkan pengalaman guru mengajar. Pengkaji ingin melihat sejauh mana guru-guru bersedia untuk melaksanakan kurikulum RBT Semakan 2017.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau kesediaan guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dari segi aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat terhadap pelaksanaan kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (Semakan 2017) di sekolah-sekolah rendah di daerah Bera, Pahang.



1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mengandungi beberapa objektif yang hendak dicapai bagi mengenal pasti kesediaan guru-guru terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017) di peringkat sekolah rendah. Antaranya ialah :

- I. Meninjau kesediaan guru dari aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017)
- II. Meninjau kesediaan guru dari aspek kemahiran terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017)
- III. Meninjau kesediaan guru dari aspek sikap terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017).
- IV. Meninjau kesediaan guru dari aspek minat terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017).
- V. Menenalpasti perbezaan tahap min yang signifikan terhadap kesediaan guru berdasarkan pengalaman mengajar
- VI. Menenalpasti hubungan antara tahap kesediaan guru RBT dengan pelaksanaan kurikulum RBT (Semakan 2017)

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menghuraikan beberapa persoalan yang timbul daripada penambahbaikan KSSR RBT dengan nama KSSR RBT (Semakan 2017). Antara persoalan yang hendak dikaji ialah:

- I. Apakah tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017)?
- II. Apakah tahap kesediaan guru dari aspek kemahiran terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017)?



- III. Apakah tahap kesediaan guru dari aspek sikap terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017) ?
- IV. Apakah tahap kesediaan guru dari aspek minat terhadap pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017) ?
- V. Adakah wujud perbezaan min yang signifikan terhadap tahap kesediaan guru RBT berdasarkan pengalaman mengajar ?
- VI. Apakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan guru RBT dengan pelaksanaan kurikulum RBT (Semakan 2017)

1.7 Hipotesis Kajian


Hipotesis kajian yang telah dibina dan perlu diuji dalam kajian ini. Hipotesis- hipotesis tersebut adalah :

- Ho₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesediaan guru dari pengalaman mengajar
- Ho₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan terhadap pelaksanaan kurikulum RBT (Semakan 2017)?

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Satu kerangka konsep kajian telah dibina seperti dalam Rajah 1.1. Kerangka konsep kajian ini dibina berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian yang ditentukan dalam kajian ini. Menurut Iskandar (2008), kerangka konsep yang teliti mestilah mempunyai pemboleh ubah kajian yang jelas, hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji dan juga ada teori yang melandasinya. Kerangka konseptual perlu dinyatakan dalam bentuk diagram sehingga masalah yang wujud dapat dicari jawapan dengan

mudah. Kerangka konsep kajian ini juga bertujuan untuk menjelaskan dengan mendalam mengenai idea kajian ini secara teliti. Kerangka konsep kajian ini adalah hasil olahan pengkaji bagi membolehkan objektif kajian dicapai dan mampu menjawab soalan kajian. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat dalam pelaksanaan Kurikulum RBT KSSR (Semakan 2017). Kajian ini juga mengkaji faktor lain yang dinyatakan dalam kerangka iaitu faktor pengalaman guru yang boleh mempengaruhi tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat.



Rajah 1.1. Konseptual Kajian

Sumber:Slavin (1994) A Theory Of School And Classroom Organization

Rajah diatas menunjukkan kerangka kajian pengkaji ingin meninjau dari 4 aspek kesediaan guru RBT iaitu segi pengetahuan, kemahiran sikap dan minat terhadap

pelaksanaan KSSR RBT (Semakan 2017). Ini adalah untuk mengenalpasti sejauh manakah guru-guru sedia melaksanakan kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017). Berdasarkan ini, maka kerangka konseptual kajian **Rajah 1.1** diubahsuai dan diadaptasi daripada model pengajaran Slavin (1994) ini memperlihatkan satu proses kesediaan guru yang merangkumi tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat yang berkait rapat sebagai orang yang akan memimpin proses pembelajaran. Guru juga dilihat sebagai individu penting dan tunjang utama penggerak kepada pelaksanaan kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017). Guru yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi ini, mampu memberi sumbangan kepada kejayaan pelaksanaan Kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017) di sekolah-sekolah.

1.9 Definisi Operasional

Beberapa istilah telah disenaraikan dan didefinisikan untuk memberi penjelasan tentang kajian yang dijalankan. Huraian definisi istilah-istilah tersebut bersesuaian dengan tujuan dan skop kajian. Definisi istilah-istilah yang dihuraikan ini juga dirujuk daripada kajian terdahulu yang telah dijalankan pengkaji yang lain. Definisi di bawah memberi penjelasan kepada istilah -istilah yang dimaksudkan dalam objektif dan persoalan kajian digunakan dalam kajian ini.



1.9.1 Kesediaan guru

Kesediaan guru didefinisikan kesanggupan seseorang guru memikul tugas yang dari segi aspek-aspek seperti minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran (Wearmouth, Edward & Richmond, 2000). Kefahaman dan kemahiran juga meliputi kepada kefahaman, kecekapan dan kepintaran terhadap sesuatu perkara atau melakukan sesuatu perkara. Sikap dan minat pula merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan semangat dan perasaan jiwa yang kental.

Menurut Baharom (2010), kesediaan merujuk kepada perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan. Dalam konteks kajian ini, kesediaan juga didefinisikan sebagai kerelaan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik dalam bidang latihan mengajar.



Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005), kesediaan ialah perihal sedia, kesanggupan, dan kerelaan melakukan sesuatu. Kesediaan pedagogi bagi seorang guru merangkumi kaedah pengajaran, teori, asas-asas pendidikan, dan pengurusan bilik darjah pembelajaran (Wilson, Floden dan Ferrini-Mundy, 2001).

Guru sebagai tenaga pengajar perlu memberi sumbangan yang berlebihan untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Usaha dan dasar Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merealisasikan hasrat negara akan sekiranya guru yang menjadi penggerak utama tidak memainkan peranan yang berkesan. Peranan guru adalah penting dalam melahirkan generasi yang berkualiti pada masa akan datang (Buntat, 2010). Oleh itu, guru harus bersedia untuk mengatasi sebarang permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Swabey, Castleton,



Penney dan Penney (2010) kesediaan guru untuk mengajar melibatkan pengetahuan profesional, hubungan profesional dan amalan professional guru yang mencukupi.

Kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Mata Pelajaran RBT ini adalah penting kerana ketidaksediaan guru yang dalam pelaksanaan kurikulum akan menyebabkan pembelajaran yang kurang keberkesananan matlamat yang ingin dicapai (Mohd Tahir, 2011). Dalam kajian, kesediaan bermaksud sejauh manakah guru-guru bersedia melaksanakan Kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017) dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan minat.

1.9.2 Pengetahuan guru

Menurut kamus dewan Edisi Keempat (2005) pengetahuan ialah perihal mengetahui, apa-apa yang diketahui. Dalam istilah kognitif psikologi, pengetahuan ditakrifkan sebagai pengekstrakan maklumat daripada pengalaman dahulu (Hunt & Henry, 2004). Manakala Ian Neath & Aimee (2003) pula menyatakan pengetahuan merujuk kepada apa yang kita ketahui dalam melaksanakan sesuatu.

Menurut Zaiha (2014), pula menegaskan bahawa kekurangan pengetahuan guru dalam mata pelajaran RBT menyebabkan guru tidak dapat menyampaikan ilmu dengan yakin. Kompetensi guru yang lemah menjadi halangan mengajar amali dalam subjek Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Rendah.

Selaras dengan pernyataan di atas, kajian Zaiha (2014) menjelaskan kepentingan kefahaman guru terhadap kurikulum yang diajar. Pengetahuan guru dalam



mengaplikasikan teori dan kemahiran adalah dua perkara penting dalam membina senario pengajaran dan pembelajaran yang bermakna. Hal ini demikian kerana, pengetahuan dan kemahiran adalah elemen kesediaan yang boleh dilihat secara langsung dan dikenalpasti manakala kesediaan minat dan sikap adalah keperibadian yang sukar dinilai dalam pelaksanaan kurikulum.

Di samping itu, matlamat akan dicapai jika guru mempunyai pengetahuan untuk memahami subjek, kemungkinan berkeupayaan menggunakannya untuk satu matlamat tertentu. *Standard Profesional* oleh *National Council For Accreditation of Teacher Education* (2004) mendefinisikan pengetahuan sebagai penguasaan ilmu yang dimiliki oleh seseorang guru yang merangkumi semua prinsip dan konsep. Dalam kajian ini, pengetahuan yang dimaksudkan adalah pengetahuan pedagogi, pengetahuan tentang kandungan kurikulum RBT KSSR (Semakan 2017) serta pengetahuan tentang pengurusan bilik darjah dan bengkel RBT.

1.9.3 Kemahiran guru

Kemahiran didefinisikan sebagai kecekapan dan kepandaian (Kamus Dewan, 2005). Kemahiran mengajar merangkumi tiga unsur utama iaitu menguasai ilmu pengajaran, membuat keputusan dan melaksanakan tindakan bagi mencapai objektif pengajaran ke tahap optimum (Sang, 2010).

Kemahiran mengajar juga melibatkan pengetahuan, membuat keputusan dan tindakan (Kyriacou, 2007). Kemahiran guru termasuk kemahiran komunikasi berkesan





iaitu komunikasi lisan dan bukan lisan dalam PdP (Khairul Anuar, 2012). Menurut Muin (2011), profesionalisme bagi seseorang guru itu boleh dilihat melalui kemahiran dalam mempelbagaikan strategi pengajaran semasa melaksanakan pengajaran di bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Selain itu, ilmu pengetahuan berkenaan pengajaran amali bagi subjek tertentu juga perlu diambil kira khususnya dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi ini.

Guru yang berkompentensi dalam mendidik dan memiliki kognitif yang tinggi dalam melaksanakan kandungan kurikulum akan memberi laluan kepada pelajar untuk mendalami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran (Abu Bakar, 2011). Tambahan pula, guru yang memiliki asas pengetahuan kemungkinan akan menyampaikan kaedah pengajaran dengan lebih efektif tetapi jika guru ini masih tidak menguasai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi, ini merupakan antara masalah dan sebab guru tidak menyumbangkan dalam pengajaran mereka ketika di dalam bilik darjah (Abdullah, 2011).

Namun begitu, tanpa guru yang berkompentensi dan berpengalaman luas, maka usaha Negara dalam mewujudkan masyarakat yang berkemahiran tidak akan memuaskan (Minhat, 2012). Rentetan itu, Kemahiran guru dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran penggunaan pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh guru dalam menjalankan kurikulum KSSR RBT (Semakan 2017).





1.9.4 Sikap

Sikap merupakan suatu keadaan mental yang menggambarkan kemungkinan tindak balas seseorang terhadap sesuatu. Menurut Tai (2013), apabila berlakunya perubahan dalam sesuatu keadaan, bagaimana sikap guru terhadap keadaan baru. Perasaan intristik juga merujuk kepada sikap yang mempengaruhi pilihan peribadi guru atau tindak balas terhadap perubahan. Ia merujuk kepada penghakiman evaluatif keseluruhan secara negatif atau positif terhadap inisiatif perubahan yang dilaksanakan oleh sekolahnya. Secara keseluruhannya, tindak balas afektif terhadap perubahan, dan kecenderungan tingkah laku terhadap perubahan sikap guru terhadap perubahan terdiri daripada kognisi guru mengenai perubahan.



Kajian Azwar (2010) menjelaskan sikap sebagai personaliti yang tidak boleh dinampak menggunakan mata kasar. Sikap juga menjelaskan diri seseorang individu yang berbentuk intrinsik dan sukar untuk dinilai. Bukan sahaja itu, sikap mempunyai hubungan yang kuat dengan sikap seseorang individu. Disebabkan sikap merupakan sesuatu yang tersembunyi, maka sukar untuk membuat keputusan. Sikap juga mendorong individu untuk memperkembangkan ilmu baru serta jati diri. Keduanya, pembentukan sikap adalah ekoran daripada pengalaman peribadi yang pernah dihadapi. Pengalaman dikaitkan rapatkan dengan faktor emosional seseorang, iaitu bagaimana seseorang itu bertindak kepada situasi.

Lain daripada itu, faktor emotional juga secara tidak langsung akan mempengaruhi sikap individu, faktor emosional, sikap kadang kala turut dipengaruhi oleh emosi yang berfungsi sebagai sebuah saluran bagi menyampaikan ketidakpuasan atau sebuah mekanisme mempertahankan ego individu.





Menurut Chaplin (2001), sikap pula merujuk kepada kecenderungan untuk mereaksi terhadap seseorang atau institusi serta kejadian, baik secara positif mahupun negatif. Sedangkan menurut Azwar (2010), mendefinisikan sikap sebagai pandangan dan perasaan diri terpengaruh oleh pengalaman daripada masa lalu, oleh apa yang kita ketahui dan kesan kita terhadap apa yang sedang kita alami saat ini.

Sikap juga ditakrifkan sebagai konstruk yang menunjukkan respon kita kepada seseorang atau objek dalam keadaan tertentu. Sikap membantu seseorang atau objek dalam keadaan tertentu. Sikap membantu kita untuk meramalkan bagaimana kelakuan dalam keadaan tertentu. Sikap juga merujuk kepada penilaian terhadap sesuatu objek yang difikirkan serta ia merangkumi respon afektif, kelakuan dan kognitif (Bohner & Michaela (2002). Sikap guru dalam kajian ini merujuk kepada nilai positif dan tanggungjawab yang ada pada guru-guru dalam menjalankan kurikulum RBT KSSR (Semakan 2017).

1.9.5 Minat

Menurut Quek (2006) pengaruh minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tertentu juga mempengaruhi tahap pencapaian seseorang. Hal ini demikian kerana minat melahirkan sikap yang positif terhadap sesuatu mata pelajaran. Minat yang tinggi akan membina sikap yang positif dan bertanggungjawab secara tidak langsung. Selain itu minat juga mempengaruhi motivasi dalaman. Minat seseorang terhadap keinginan dan keperluan seseorang yang bersangkutan dan sesuatu objek akan lebih kelihatan apabila objek itu sesuai dengan sasaran. Minat juga merujuk kepada perasaan suka atau senang





dari seorang terhadap sesuatu objek atau perkara. Hal ini seperti dikemukakan oleh Slameto (2006) yang menyatakan minat adalah rasa keterikatan pada suatu hal atau sebagai suatu rasa lebih suka aktiviti, tanpa ada yang menyuruh. Oleh itu, minat seseorang guru dapat dilihat melalui kesungguhan dan usaha yang dilakukan oleh guru semasa mengajar mata pelajaran tersebut. Guru yang mempunyai minat yang tinggi akan sentiasa berusaha dan rajin meningkatkan diri. Minat guru dalam kajian ini merujuk kepada tahap kesungguhan guru dalam melaksanakan kurikulum RBT KSSR (Semakan 2017).

1.9.6 Kurikulum

Menurut Norlidah Alias (2010), kurikulum membawa maksud suatu pengalaman pembelajaran yang disediakan dalam bentuk rancangan pembelajaran. Kurikulum bukan sahaja satu identiti yang menunjukkan atau menerangkan tentang satu entiti benda atau amalan tetapi merupakan suatu konsep yang telah melalui beberapa tahap transformasi dengan meninggalkan kesan-kesan dalam bentuk model, idea dan tindakan-tindakan yang diambil kira dalam projek-projek di sekolah dan di institusi pendidikan (Norlidah, 2014). Pernyataan ini selari dengan kamus Dewan, (2005), iaitu kurikulum merupakan suatu skop atau intipati sesuatu subjek di sebuah sekolah atau institusi pendidikan. Menurut Ahid (2014), kurikulum juga merujuk kepada suatu bahan tindakan berdasarkan kepakaran guru dalam merangka dan menghasilkan sebagai suatu dokumen bertulis serta pengalaman murid supaya dapat menjadi panduan untuk mencapai objektif pengajaran.



Di samping itu, kurikulum juga didefinisikan sebagai suatu rancangan pendidikan yang mengabungkan segala kemahiran dan ilmu pengetahuan, norma dan nilai unsur kepercayaan dan kebudayaan yang menjadi pilihan masyarakat untuk diturunkan kepada ahli-ahlinya.

Dalam kajian Smith (2014), kurikulum ditakrifkan sebagai suatu perancangan, penyusunan dan penelitian yang ditulis bagi memenuhi keperluan Pendidikan individu yang diambil hasil daripada pengalaman murid dan pandangan guru yang berpegalaman. Selain itu, menurut Shuib (2009) dan Ahid (2014) kurikulum dilihat sebagai suatu bahan iaitu melalui kegiatan berdasarkan pengalaman murid dan kepakaran guru dalam merangka suatu dokumen bertulis supaya dapat menjadi pedoman untuk mencapai objektif pengajaran. Kurikulum juga merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dialami oleh seseorang individu dari peringkat kanak-kanak ke peringkat kematangan orang dewasa. Jika didefinisikan secara spesifik pula, ia membawa maksud pelbagai aktiviti pembelajaran yang dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah.

Pembentukan dan perancangan kurikulum haruslah konsisten serta kukuh supaya setiap fasa dalam pembentukan dan perancangan dilaksanakan secara berterusan dan logikal malahan juga memenuhi kehendak dalam perkembangan individu yang merangkumi pengalaman masa silam, pandangan dan perspektif sesuatu dalam hidup dan keinginan serta keperluan pada masa akan datang (Norlidah Alias, 2014). Sedangkan, menurut Kelly (2006), kurikulum perlulah lengkap dan menyeluruh serta mengandungi matlamat, objektif, isi kandungan, proses, sumber dan cara penilaian yang bersesuaian dan mantap. Hal ini menunjukkan bahawa



perencanaan kurikulum hendaklah mengandungi asas yang teguh supaya perencanaannya bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan individu seseorang.

Kurikulum dalam kajian ini merujuk Dokumen Standard Kandungan Pelajaran kurikulum KSSR RBT (SEMAKAN 2017).

1.9.7 Guru

Fungsi dan peranan guru dipandang mulia dan diiktiraf bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi penyubur perpaduan, jurutera sosial, pencorak minda, pembangun sahsiah, malah sebagai agen perubahan. Mahmud (2013) menyatakan bahawa guru bertindak sebagai pencetus dan penggerak kepada proses transformasi sistem Pendidikan Negara dalam usaha melahirkan generasi masa depan yang intelek, berdaya saing, berjati diri, kukuh dan berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai sejagat. Guru yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk Guru Reka Bentuk Dan Teknologi yang mengajar kurikulum KSSR RBT (SEMAKAN 2017).

1.9.8 Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)

Mengikut KSSR RBT, Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) diajar sebagai satu subjek dalam kurikulum sekolah rendah. Mata pelajaran ini memartabatkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang membolehkan mereka menyambung pelajaran dalam membolehkan mereka menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di peringkat menengah.



Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Reka Bentuk dan Teknologi(RBT) diperkenalkan kepada murid Tahap II, iaitu bermula dari tahun 4 hingga tahun 6 dengan hasrat menghasilkan murid yang mempunyai kemahiran berfikir seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025(PPPM).

KSSR RBT diajar kepada murid mengenai kriteria reka bentuk menggunakan teknologi dalam pembinaan dan pembuatan produk supaya menjadi individu yang mempunyai pemikiran global serta memahami teknologi terkini yang mampu menyelesaikan masalah masa hadapan. Sebagai cabang dalam bidang Sains, Teknologi, kejuruteraan and Matematik (STEM), KSSR RBT memberi penekanan kepada mereka bentuk dalam penghasilan produk berasaskan teknologi serta mampu melahirkan murid yang boleh berkarya dalam menghasilkan produk yang mudah dan bermakna. Kurikulum ini dibina bagi melahirkan generasi alaf baharu yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif, sentiasa peka terhadap persekitaran, mampu berkomunikasi dengan baik dan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni. Seiring matlamat melahirkan murid yang kompetitif, seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani,intelektual dan sosial serta berupaya mengikut perubahan era globalisasi.

Kandungan KSSR RBT mampu melengkapkan murid dengan kemahiran asas yang diperlukan bagi mendepani cabaran Revolusi industri 4.0 bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri untuk memacu ekonomi Malaysia. KSSR RBT turut memberi pendedahan awal kepada murid mengenai laluan kerjaya dan peluang pekerjaan dalam bidang Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) supaya murid tahu arah tuju sebenar bidang ini di masa akan datang.





Bagi menghadapi cabaran Abad ke-21, kurikulum yang dihasilkan juga menjadikan satu wahana usaha membangunkan generasi alaf baharu yang mampu berfikir, celik teknologi dan bertindak menghasilkan sesuatu yang manfaat dan berupaya bergerak seiring mengikut perubahan era globalisasi. Pengajaran dan pemudahcaraan RBT dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan berpusatkan murid dan disokong oleh Latihan amali. KBAT dinyatakan secara eksplisit dalam standard kurikulum RBT di samping memberi penekanan terhadap elemen merentas kurikulum (EMK) seperti Bahasa, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta Keusahawanan.

1.10 Batasan kajian



Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru RBT Sekolah Rendah Di Daerah Bera sahaja. Responden dalam kajian ini adalah Ketua Panitia RBT dan guru RBT. Mereka dilihat responden yang bersesuaian dengan keperluan kajian kerana mereka terlibat secara langsung dalam pelaksanaan KSSR RBT (SEMAKAN 2017) di sekolah rendah. Pemilihan sekolah pula adalah berdasarkan kedudukan

Sekolah di dalam daerah Bera dan juga berdasarkan andaian pengkaji terhadap populasi guru sekolah ini yang mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri dengan pengalaman mengajar KSSR RBT. Pengkaji ingin meninjau kesediaan guru RBT dalam pelaksanaan KSSR RBT (SEMAKAN 2017) di sekolah rendah. Hasil dapatan kajian itu diharapkan akan dapat memberi manfaat kepada semua warga pendidik di sekolah terbabit dalam melaksanakan kurikulum dengan lebih efektif.



1.11 Kepentingan kajian

1.11.1 Penyelidik

Memberi input serta keyakinan kepada pengkaji pada kerjaya masa akan datang sebagai pensyarah atau guru dalam memahami tahap kompetensi dalam bidang supaya dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti kepada pelajar. Selain daripada itu, ia dapat memberi peluang kepada pengkaji meneroka permasalahan yang dikongsi Bersama antara pengkaji dan responden.

1.11.2 Guru

Hasil kajian ini diharap dapat membina kekuatan dan fokus kepada bidang yang mereka ceburi. Selain itu juga, sebagai garis panduan atau kriteria yang diperlukan oleh guru bagi mereka mengatasi halangan atau masalah yang dihadapi dalam bidang kemahiran supaya lebih kompeten dalam profesion perguruan mereka. Ia berguna dan dijadikan sebagai satu penyelesaian yang boleh digunakan bagi merancang kursus dan Latihan yang diperlukan oleh guru dalam pelaksanaan kurikulum KSSR Reka Bentuk dan Teknologi(Semakan 2017).

1.11.3 Sekolah

Dapatan kajian ini dapat memberi peluang kepada pihak sekolah untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru RBT dalam pelaksanaan kurikulum KSSR Reka Bentuk dan Teknologi (Semakan 2017). Kajian ini dapat membantu pihak sekolah dalam memohon peruntukan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap positif dan minat guru. Pihak sekolah juga boleh membuat permohonan kepada KPM supaya merancang kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran guru-guru. Kajian ini penting untuk dijadikan panduan kepada pihak tertentu seperti guru-guru sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.11.4 Kementerian Pelajaran Malaysia/JPN/PPD

KPM/JPN/PPD akan mengambil tindakan susulan dan pengubal kurikulum dapat menilai tahap kefahaman guru-guru mengenai kurikulum Semakan 2017. Sistem pendidikan yang baik adalah amat diperlukan bagi membentuk masyarakat yang mampu bersumbang kepada pembangunan negara dan industry 4.0.

1.12 Rumusan

Kurikulum KSSR Reka Bentuk dan Teknologi (Semakan 2017) memberi impak yang besar kepada pelbagai seperti guru, Guru Besar, Kemneterian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri(JPN) dan juga kepada Pejabat Pendidikan



Daerah(PPD). Guru adalah golongan pelaksana yang amat terkesan dengan perubahan dalam sistem Pendidikan ini. Oleh itu, para guru hendaklah bersedia dari segi mental dan fizikal untuk melaksanakan kurikulum KSSR Reka Bentuk dan Teknologi(Semakan 2017). Peranan pihak pentadbir juga memainkan peranan dan membantu dan memudahkan guru dalam melakukan pentaksiran. Pihak atasan juga seperti KPM , JPN dan PPD juga perlu berganding bahu dengan memberi sokongan secara mental dan fizikal dalam menjayakan pelaksanaan kurikulum KSSR Reka Bentuk dan Teknologi(Semakan 2017)

